

FDI berjumlah RM926.3 billion tahun lalu

PETALING JAYA: Malaysia merekodkan pelaburan langsung asing (FDI) berjumlah RM926.3 bilion sehingga akhir 2023, manakala pelaburan langsung Malaysia di luar negara (DIA) berjumlah RM662.8 bilion, menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, jumlah kedudukan aset kewangan negara bernilai RM2.40 trilion tahun lalu, manakala jumlah lialibiti sebanyak RM2.28 trilion.

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Malaysia (IIP) mencatatkan aset bersih RM119.4 bilion,

manakala Rizab Antarabangsa Malaysia berjumlah RM520.7 bilion," katanya dalam laporan Statistik Imbangian Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa bagi Suku Tahun Keempat 2023.

Beliau berkata, pada suku keempat (S4) 2023, FDI melonjak daripada aliran masuk bersih RM7.2 bilion kepada RM17.1 bilion, didorong oleh aliran masuk yang lebih tinggi dalam ekuiti dan instrumen hutang.

Katanya, perkhidmatan kekal sebagai sektor utama FDI, khususnya dalam Kesihatan dan ak-

tiviti Maklumat dan komunikasi, diikuti oleh Pembuatan. Sumber FDI utama ialah Singapura, Hong Kong dan Jepun.

"Manakala, DIA mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM12.4 bilion berbanding RM13.4 bilion pada suku sebelumnya, disumbangkan oleh aliran keluar dalam Ekuiti & dana pelaburan saham.

"Sektor utama DIA ialah Perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor Bekalan elektrik dan Kewangan, diikuti oleh Perlombongan dan Pembinaan. Aliran keluar DIA disalurkan terutamanya ke Singapura, Indonesia dan

Belanda," jelas beliau.

Dalam pada itu, Mohd. Uzir memberitahu, Imbangan Akaun Semasa (CAB) negara kekal mencatatkan lebihan sebanyak RM22.8 bilion pada 2023, berbanding RM55.1 bilion tahun sebelumnya.

Beliau berkata, lebihan CAB yang menyumbang 1.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebahagiannya disokong oleh eksport bersih barang berjumlah RM132.9 bilion.

Katanya lagi, CAB bagi suku keempat mencatatkan lebihan sebanyak RM253.4 juta disokong oleh komponen perjalanan.